

BAB KEEMPAT

ANALISIS PERBANDINGAN MANUSKRIPT NASIHAT
AL-MULUK DENGAN SISTEM KESULTANAN
MELAYU MELAKA

4.1. MUKADIMAH

Bab keempat akan mengemukakan analisis perbandingan di antara gagasan idea yang diinterpretasikan dari manuskrip *Nasihat al-Muluk* dengan kaedah yang telah diamalkan dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Perbandingan yang akan dikemukakan nanti akan memperlihatkan kecenderungan pengaruh dan unsur-unsur pemikiran Islam melalui manuskrip *Nasihat al-Muluk* telah diadaptasikan dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka.

Penganalisaan ini meliputi dasar pemerintahan, unsur kedaulatan yang memanifestasikan raja sebagai bayangan Allah s.w.t. (*zul Allah fi al-'Alam*), dasar pendidikan, struktur perjawatan yang melibatkan tanggungjawab dan peranan pembesar, ciri-ciri serta sifat pentadbir, bidang tugas dan bidang kuasa pembesar di samping kriteria dan syarat kelayakan untuk memegang jawatan pembesar. Di akhir perbincangan, penulis akan cuba menganalisis corak sistem perundangan yang terdapat pada kedua-dua objek kajian.

4.2. DASAR PEMERINTAHAN

Manuskrip *Nasihat al-Muluk* telah mempersempahkan satu bentuk idea pemerintahan yang baik yang menyeru manusia agar patuh kepada perintah Allah s.w.t., patuh kepada perintah Rasulullah s.a.w. dan juga para pemimpin yang cenderung untuk meletakkan Islam sebagai perlembagaan dan wasilah ummah. Ia telah dinyatakan pada permulaan manuskrip sebagai berikut:

“...kitab ini adalah tulisan Sheikh Hussin al-Kashifi pada menyatakan tafsiran dalam al-Qur'an seperti firman Allah “وَاطِّبُعُوا مَا أَنزَلْنَا إِلَيْكُمْ” yakni sabda Allah Ta'ala berbuat bakti kamu akan Allah dan akan rasul Allah dan akan raja kamu...”¹

Ini jelas menunjukkan bahawa Sheikh Ḥussīn al-Kāshīfī menghendaki setiap pemimpin (raja) yang dilantik wajib meletakkan Islam sebagai dasar di dalam sistem pemerintahan mereka. Pengukuhan kepada dasar pemerintahan itu adalah al-Qur'an dan al-Sunnah. Keadaan yang sama juga dapat kita lihat di dalam *al-Aḥkām al-Sultāniyyāh*² dan juga *Tāj al-Salātiḥ*³ yang menginginkan setiap pemimpin itu meletakkan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai dasar di dalam sistem pemerintahan mereka.⁴

Dasar pemerintahan seperti yang tersebut di atas (pada pandangan penulis) juga telah dilaksanakan dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Islam mula bertapak di Melaka⁵ bermula dari zaman pemerintahan Parameswara (Iskandar Shah) sekitar tahun 1398M. Ia mengalami proses perkembangan pada zaman Sultan Muhammad Shah (1414M-1444M). Baginda telah berusaha mengubah keadaan sosio hidup masyarakat Melaka (yang ketika itu) terikat dengan sistem Melayu-Hindu kepada kehidupan yang berteraskan

¹ Al-Kāshīfī, p. cit., hal. 1.

² Al-Mawardi, op cit, hal. 4

³ Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 47.

⁴ Lukhman Thaib, **Politik Menurut Perspektif Islam**, Penerbitan Synergymate Sdn Bhd, 1998, hal. 39.

nilai-nilai Islam. Proses Islamisasi bermula dengan mewujudkan beberapa peraturan baru seperti adat raja ke masjid di bulan *Ramadan*, adat raja sembahyang tarawih, adat raja berhari raya⁶ dan sebagainya. Walau bagaimanapun, syiar Islam (ketika itu) masih lagi terikat malahan telah disesuaikan dengan sistem adat-istiadat Melayu-Hindu. Zaman ini dikatakan sebagai zaman *pra Islam*.⁷

Agama Islam terus mengalami arus perubahan. Pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, baginda menyeru agar diwujudkan satu undang-undang sebagai panduan kepada golongan pentadbir menjalankan urusan pemerintahan.⁸ Undang-undang tersebut telah dinamakan Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka⁹. Sumber perletakan hukum adalah berlandaskan al-Qur'an dan *Amr bi al-Ma'ruf wa Nahy 'an al-Munkar*.¹⁰

Pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah, baginda telah memberi tumpuan kepada program-program keagamaan (Islam) dengan menjadikan istana sebagai pusat utama bagi kegiatan keilmuan. Istana juga telah dijadikan sebagai pusat penterjemahan dan menyalin semula kitab-kitab yang penting. Ada pendapat mengatakan, istana Sultan Mansur Shah telah dibina berhampiran

⁵ Islam di Melaka ini bermula dari zaman Parameswara dan terus berkembang pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah (1414M). Syiar Islam telah mencapai tahap keagungan pada zaman Sultan Mansur Shah (1459M). Lihat Wan Hussein Azmi, op. cit., hal. 146-147.

⁶ Shellabear W.G. (ed.), op. cit., hal. 59-60.

⁷ Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, op. cit., hal. 204.

⁸ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 86-87.

⁹ Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, op. cit., hal. 213-217.

dengan masjid untuk memudahkan baginda melakukan amal ibadat.¹¹ Baginda juga telah menyuruh ulama menterjemah kitab *al-Dur al-Manzūm* dan menghantar utusan ke Pasai untuk bertanyakan masalah berkaitan isi syurga dan isi neraka.¹²

Dasar pemerintahan Islam kelihatan lebih jelas pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah apabila baginda melaksanakan hukum potong (kudung) tangan bagi jenayah mencuri.¹³ Demikian juga wasiat Bendahara Paduka Raja kepada anak cucunya:

“...berbuat kebaktian akan Nabi Allah serasa berbuat kebaktian akan Allah seperti firman Allah (اطبعوا الله واطبعوا الرسول و اولى الامر مکم) ...inilah wasiatku kepada kamu semuanya hendaklah jangan kamu lupa supaya kebesaran dunia akhirat kamu sekalian peroleh...”¹⁴

Nyatalah kepada kita bahawa sistem kesultanan Melayu Melaka telah meletakkan Islam sebagai dasar pemerintahan. Walaupun masih terdapat sistem adat di dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, namun pada pandangan penulis, adat istiadat itu telah disesuaikan agar ia tidak bertentangan dengan syariat Islam. Ia dikekalkan untuk menjaga kemaslahatan hidup bermasyarakat pada zaman itu.

¹⁰ Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 70.

¹¹ Jayaudin Jamaudin dan Ruziatul Adibah Adnan, op. cit., hal. 305-307.

¹² A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 156-161. Lihat juga Jayaudin Jamaudin dan Ruziatul Adibah Adnan, Ibid., hal. 304.

¹³ Shellabear W.G. (ed.), op. cit., hal. 129.

¹⁴ Raffles (ed.), op. cit., hal. 205. Lihat juga Shellabear W.G. (ed.), op. cit., hal. 141. A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 190.

Sebagai kesimpulan, ingin penulis menegaskan bahawa teori bagi dasar pemerintahan Islam yang digambarkan oleh Sheikh Ḥussein al-Kāshifi mempunyai pengaruh dari sudut pengamalannya di dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka. Kedua-duanya telah meletakkan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai panduan untuk menggerakkan organisasi pemerintahan. Dasar ini ternyata akan membawa kebaikan kepada manusia di dunia dan di akhirat. Firman Allah s.w.t.¹⁵

من يطع الرسول فقد أطاع الله ومن تولى فما أرسنناك عليهم حفيظا

Ertinya: "...Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah; dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan)..."

4.3. KONSEP KEDAULATAN (AL-SIYĀDAH)

Manuskrip *Nasīḥat al-Mulūk* tidak menggambarkan secara nyata konsep kedaulatan dalam kepimpinan. Namun terdapat idea yang menunjukkan konsep kedaulatan bagi seseorang raja. Sheikh Ḥussein al-Kāshifi telah menggambarkan raja sebagai *zul Allah fi al-Ālam* (bayangan Allah)¹⁶ yang diamanahkan untuk mentadbir manusia di muka bumi. Konsep *zul Allah fi al-Ālam* inilah yang pada anggapan penulis merupakan kedaulatan bagi raja-raja. Rakyat diseru mentaati

¹⁵ Al-Qur'an surah *al-Nisā'* ayat 80.

¹⁶ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 39.

raja (yang adil) sama seperti mereka mentaati Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Begitu juga sebaliknya jika rakyat menderhaka kepada raja, mereka akan digambarkan seolah-olah melanggar titah perintah Allah s.w.t. dan Rasul-Nya.

Menurut perspektif Islam, konsep kedaulatan (*al-siyādah*)¹⁷ hanya tertakluk kepada Allah s.w.t. yang menjadi Penguasa ke atas seluruh makhluk sama ada di langit maupun di bumi seperti firman-Nya;¹⁸

الذِّي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Ertinya: "...*Dialah (Allah) yang menguasai pemerintahan langit dan bumi...*"

Walaupun Allah s.w.t. berkuasa memerintah keseluruhan makhluk di langit dan di bumi, tetapi dalam masa yang sama juga Allah s.w.t. telah menjadikan manusia sebagai *khalīfah*¹⁹ dan *Uli al-Amr*²⁰ untuk mentadbir urusan di dunia. Para khalifah telah diserahkan daulat yang terbatas²¹ untuk mengajak dan memandu manusia mentaati syariat Allah s.w.t.²² Konsep kedaulatan bagi pemerintah disebut '*al-mulk*' yang bermaksud kesultanan, kedaulatan,

¹⁷ Perkataan *al-siyādah* berasal dari perkataan *sayyid* (ketua) yang juga merujuk kepada maksud kedaulatan. Lukhman Thaib, op. cit., hal. 86.

¹⁸ Al-Qur'an surah **al-Furqān** ayat 2.

¹⁹ Al-Qur'an surah **al-Baqarah** ayat 30.

²⁰ Al-Qur'an surah **al-Nisā'** ayat 59.

²¹ Lukhman Thaib, op. cit., hal. 96-97.

²² Al-Futūh Abū al-Ma'āti (Dr.), **Islam, Politik dan Pemerintahan**, terj. Mohd Akhir Yaakob, Pustaka Hizbi, 1990, hal. 68-69.

kepunyaan ataupun ketuanan (*kingship, sovereignty, ownership or lordship*)²³ seperti firman Allah s.w.t.;²⁴

فَهُزِمُوهُمْ بِإِذْنِ اللَّهِ وَقُتِلَ دَاوُودُ جَالُوتُ وَآتَاهُ اللَّهُ الْمُلْكُ وَالْحُكْمَةُ وَعَلِمَهُ مَا يَشَاءُ

Ertinya: "...Oleh sebab itu, mereka dapat mengalahkan tentara Jalut dengan izin Allah, dan Nabi Daud (yang turut serta dalam tentera Talut) membunuh Jalut. Dan (sesudah itu) Allah memberikan kepadanya (Nabi Daud) kuasa pemerintahan, dan hikmat (pangkat kenabian) serta diajarkannya apa yang dikehendaki-Nya..."

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, setiap raja yang memerintah akan dianggap berdaulat. Kedaulatan itu telah dimanifestasikan dari peranan raja sebagai bayangan Allah s.w.t. (*zul Allah fi al-'Ālam*).²⁵ Konsep ini juga dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan konsep spiritual dan kepercayaan tradisi masyarakat Melayu tentang derhaka.²⁶ Rakyat yang ingkar dan menderhaka

²³ Lukhman Thaib, op. cit., hal. 87. Lihat juga Ahmad Shah, **Miftah al-Qurán**, Beirut; Dar al-Fikr, 1966, hal. 202.

²⁴ Al-Qur'an surah **al-Baqarah** ayat 251.

²⁵ Shellabear, W.G. (ed.), op. cit., hal. 141. Lihat juga A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 190. Lihat juga Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 170. Keterangan ini tidak terdapat di dalam naskah Raffles.

²⁶ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 278.

akan ditimpa tulah²⁷ seperti kes Maharaja China yang dihinggapi penyakit keda²⁸ seluruh badannya akibat mempersendakan persembahan Sultan Mansur Shah.²⁹

Oleh itu, penulis berpendapat pengaruh pemikiran Sheikh Ḥussīn al-Kaṣīfi tentang konsep kedaulatan yang meletakkan raja bayangan Allah s.w.t. telah diaplikasikan di dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka. Elemen persamaannya jelas menunjukkan bahawa ketataan (mendaulatkan) raja itu sama seperti kita mentaati segala perintah Allah s.w.t. dan Rasul-Nya dan begitu juga sebaliknya.

4.4. KONSEP KEPIMPINAN (AL-QIYĀDAH)

Konsep kepimpinan merupakan satu agenda yang amat dititik beratkan oleh ajaran Islam. Golongan pemimpinlah yang akan mengetuai masyarakat menuju kepada keredhaan Allah s.w.t. Terdapat dua ratus lapan puluh tiga (283) keterangan yang berkaitan dengan kepemimpinan di dalam al-Qur'an.³⁰ Di antaranya ialah firman Allah s.w.t.,³¹

²⁷ Tulah ialah kemalangan yang menimpa kerana melanggar larangan, melakukan sesuatu yang kurang baik terhadap orang tua-tua, menderhaka kepada raja dsb. Lihat Teuku Iskandar, op. cit., hal. 1398.

²⁸ Keda^l ialah sejenis penyakit kulit yang membuatkan kulit berbelang-belang atau bertelau-telau. Lihat Teuku Iskandar, op. cit., hal. 552.

²⁹ Raffles (ed.), op. cit., hal. 175-176. Lihat juga Shellabear W.G. (ed.), op. cit., hal. 96-98. Lihat juga A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 135-136.

³⁰ Hasan Baharom, *Kepimpinan Islam Menurut Ahl al-Sunnah dan al-Syiah*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, tesis Ph.D, 1992, hal. 7. Lihat juga Lukhman Thaib, op. cit., hal. 224.

³¹ Al-Qur'an surah *al-Baqarah* ayat 30.

وإذ قال ربك للملائكة إني جاعل في الأرض خليفة

Ertinya: "...Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; 'Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi'..."

Menurut manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk*, konsep kepimpinan merujuk kepada raja sebagai ketua negara. Gelaran raja telah disinonimkan dengan nama *Uli al-Amr*.³² Golongan raja digambarkan mempunyai tanggungjawab yang besar bagi mengembangkan syariat Islam yang telah dibawa oleh Rasulullah s.a.w.³³ Perkara yang sama juga dapat kita lihat di dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka. Diceritakan raja telah bertindak sebagai pelaksana serta penyempurna kepada syariat Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. seumpama dua permata pada satu cincin.³⁴

Di samping itu, raja juga berperanan sebagai pengawal untuk mengawasi tindak tanduk rakyat yang terdiri daripada kalangan pembesar negara dan juga golongan rakyat jelata.³⁵ Lukhman Thaib telah menegaskan bahawa seseorang ketua negara harus bertanggungjawab ke atas diri sendiri, keluarga, masyarakat

³² Al-Kāshifi, op. cit., hal. 1. Pernyataan Syeikh Hussain al-Kasyifi adalah berdasarkan kepada ayat al-Qur'an (al-Nisā': 59) yang bermaksud "berbuat bakti kamu akan Allah dan akan Rasul Allah dan akan raja kamu (*Uli al-Amr*)..". Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 47.

³³ al-Mawardi telah menegaskan bahawa salah satu daripada tanggungjawab ketua negara ialah memelihara *al-Dīn* (Islam) di dalam perkara-perkara asas (usul dan juga perkara yang telah dipersepkatui (*ijmā'*) oleh golongan *Salaf al-Ummah*. Al-Mawardi, op. cit., hal. 23. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 47.

³⁴ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 190.

³⁵ Al-Kashifi, op. cit., hal. 1.

dan juga negara.³⁶ Abū al-Ma'āti menyatakan, pemerintah (raja) berkewajipan menjaga dan mengawasi manusia supaya menunaikan perintah syarak. Mereka juga berkewajipan mengawasi kemajuan umat Islam agar boleh merasai nikmat kebijakan dan kemajuan.³⁷ Menurut buku *Manusia dan Islam*, pemimpin adalah bertanggungjawab ke atas diri sendiri, keluarga dan juga rakyatnya.³⁸

Begitu juga dengan tanggungjawab golongan pembesar. Mereka harus prihatin dengan masalah-masalah rakyat dan berusaha menyelesaiannya dengan cara yang paling bijak. Di samping itu, pembesar juga perlu menjaga keselamatan hidup rakyat dari sebarang bentuk penganiayaan dan kezaliman.³⁹

Sistem Kesultanan Melayu Melaka telah menceritakan kesungguhan raja-raja Melaka menunaikan tanggungjawab mereka ke atas golongan rakyat. Untuk golongan pembesar, raja-raja Melaka telah mengurniakan kepada mereka pelbagai kemudahan seperti kampung atau jajahan sendiri yang boleh diambil cukai darinya seperti Kampung Bendahara, Kampung Laksamana dan sebagainya.⁴⁰ Begitu juga dengan pakaian dan persalinan seperti baju, sebai dan lain-lain lagi.⁴¹ Untuk rakyat jelata pula, raja-raja Melaka telah memberi ruang kebebasan yang secukupnya untuk melakukan pekerjaan yang mereka

³⁶ Lukhman Thaib, op. cit., hal. 227.

³⁷ Al-Futūh, Abū al-Ma'āti (Dr.), op. cit., hal. 112.

³⁸ Haron Din, (Dr.) (ed.), **Manusia dan Islam**, Penerbitan Hizbi, 1988, hal 188.

³⁹ Al-Kāshīfī, op. cit., hal. 65.

⁴⁰ Ismail Ambia, op. cit., hal. 3-4.

⁴¹ Raffles (ed.), op. cit., hal. 125. Lihat juga Ismail Ahmad, op. cit., hal. 22.

minati. Ia dapat dilihat dengan wujudnya kepelbagaiannya jenis pekerjaan seperti aktiviti perniagaan, pertanian, mengukir, pertukangan⁴² dan sebagainya dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka.

Dalam konteks pembesar Melaka pula, para pembesar mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Bermula daripada Bendahara yang bertindak sebagai perancang pembangunan Melaka, Penghulu Bendahari berperanan sebagai penyelia khazanah negara, Temenggung menjaga sistem perundangan, Laksamana bertugas mengawal keselamatan negara, Syahbandar bertanggungjawab ke atas pelabuhan⁴³ dan ramai lagi golongan pembesar yang masing-masing mempunyai tugas untuk memimpin pekerja yang berada di bawah kawalan mereka.

Alasan-alasan di atas menunjukkan kepada kita bahawa idea dan teori pemikiran Sheikh Ḥussīn al-Kāshīfī tentang konsep kepimpinan telah pun diamalkan oleh raja-raja Melaka. Pelaksanaan konsep ini dibuat secara sistematik dan tersusun meliputi keseluruhan corak hidup masyarakat bermula daripada golongan pembesar Melaka sehingga ke golongan hamba. Sabda Rasulullah s.a.w.;⁴⁴

“...Sesungguhnya seorang imam (pemimpin) itu merupakan pelindung. Dia bersama pengikutnya memerangi orang kafir dan orang zalim serta memberi perlindungan kepada orang-orang Islam. Sekiranya dia menyuruh supaya bertaqwa kepada Allah dan berlaku adil maka dia akan mendapat pahala, akan tetapi

⁴² Muhammad Yusoff Hashim, op. cit., hal. 292-296.

⁴³ Ismail Ambia, op. cit., hal. 2-3.

⁴⁴ Abi Abbas, op. cit., hadith no. 474, hal. 118.

sekiranya dia menyuruh selain dari yang demikian itu, pasti dia akan menerima akibatnya..."

4.5. STRUKTUR PENTADBIRAN

Manuskrip *Nasihat al-Muluk* telah mengemukakan beberapa jawatan yang akan menjadi teras dan asas dalam pembentukan sesebuah kerajaan. Golongan inilah yang merupakan pengurus serta pentadbir urusan harian negara. Mereka adalah panglima, pegawai kerajaan, menteri, hakim, golongan penyiasat,⁴⁵ panglima, hulubalang, bentara, dan sebagainya.

Menurut Ibn Khaldun, struktur organisasi berkerajaan terdiri daripada empat (4) bahagian iaitu *wazir*, setiausaha, ketua jabatan hasil cukai dan kewangan dan pengawal pintu istana.⁴⁶ Al-Mawardi di dalam *al-Ahkām al-Sultāniyyāh* pula menggambarkan bahawa struktur pentadbiran berkerajaan terdiri daripada menteri, pemerintah daerah dan wilayah, kadi, panglima tentera, penguasa sempadan, pemungut cukai dan pemungut zakat.⁴⁷

Jika ditinjau sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka terdapat persamaan dengan konsep yang diterapkan oleh manuskrip sebelum ini. Akan tetapi, susur-galur struktur jawatan bagi golongan yang mentadbir kerajaan

⁴⁵ Al-Kashifi, op. cit., hal. 7. Terdapat persamaan dengan kitab *Taj al-Salatin* tetapi golongan ketiga telah dijelaskan oleh *Taj al-Salatin* sebagai bendahari (*khāzin*). Lihat Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 111-112.

⁴⁶ Ibn Khaldūn, op. cit., hal. 266-267.

⁴⁷ Al-Mawardi, op. cit., hal. 33-34.

kelihatan lebih sistematik dan tersusun mengikut kronologi. Bermula dengan Pembesar Empat, kemudian Pembesar Lapan dan seterusnya Pembesar Enam Belas.⁴⁸ Teraju pemerintahan akan ditadbir oleh Empat Pembesar utama yang terdiri daripada Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.⁴⁹ Namun begitu, dikatakan bahawa Bendaharalah yang menjadi tunggak utama di dalam urusan menggerakkan jentera kerajaan bagi mengantikan raja. Oleh sebab itu, jawatan Bendahara selalunya dipegang oleh orang yang lebih tua, banyak pengalaman serta mempunyai hubungan kekeluargaan dengan raja atau sultan yang memerintah.⁵⁰

Struktur perjawatan yang bersistem ini secara tidak langsung juga telah menggambarkan kepada kita bahawa Melaka merupakan sebuah bentuk pemerintahan tradisional yang ideal. Andaian ini dibuat kerana terdapat sesetengah negeri beraja di Malaysia⁵¹ masih lagi menggunakan corak sistem pemerintahan tradisional tersebut khususnya bagi jawatan-jawatan Pembesar Empat. Selain itu, sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka juga menggambarkan para pembesar lain seperti nakhoda, syahbandar, bentara, kadi dan sebagainya. Hirarki kepemimpinan yang tersusun kemas ini, jika diamati secara tersirat akan menggambarkan kepada kita tentang lambang status kedudukan sebuah Empayar Melaka yang besar lagi agung ketika itu.

⁴⁸ Ismail Ambia, op. cit., hal. 4-5.

⁴⁹ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 151.

⁵⁰ Ibid., hal. 172.

⁵¹ Ibid., hal. 132.

Oleh itu, dapat penulis simpulkan bahawa pengaruh idea Sheikh Ḥussein al-Kāshifi telah dapat disesuaikan dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka khususnya dalam bidang pentadbiran. Ia juga selari dengan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama Islam seperti al-Mawardi dan juga Ibn Khaldūn. Walaupun konsep pelaksanaannya agak berbeza dari segi nama perjawatan dan peranan, namun penulis merasakan ia adalah perkara teknikal yang boleh diubah mengikut masa, keadaan dan kesesuaian sesuatu tempat.

4.6. CIRI-CIRI DAN SIFAT-SIFAT PEMERINTAH

Secara umum, hasil penganalisaan penulis telah mendapati pengarang manuskrip *Nasiḥat al-Mulūk* tidak menyusun ciri-ciri dan sifat-sifat pemerintah secara sistematik. Sifat-sifat dan ciri-ciri raja banyak digambarkan secara simbolik dan tersirat. Manakala ciri-ciri dan sifat-sifat menteri pula telah disusun dengan begitu teratur dan terperinci sehingga digambarkan juga ciri-ciri seseorang menteri yang baik dan menteri yang buruk akhlaknya.⁵²

Selain itu, manuskrip *Nasiḥat al-Mulūk* juga membincangkan ciri-ciri serta sifat-sifat bentara, hulubalang, orang yang damping dengan raja,⁵³ penulis surat raja⁵⁴ dan juga pemungut ufti kerajaan.⁵⁵ Kesemua mereka ini bertindak sebagai

⁵² Al-Kāshifi, op. cit., hal. 85-90. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 110-128. Lihat juga al-Mawardi, op. cit., hal. 42.

⁵³ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 21-22.

⁵⁴ *Ibid.*, hal. 99. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 129-131.

pemerintah yang menjadi jentera untuk mentadbir negara. Perbahasan tentang ciri dan sifat golongan pembesar sangat penting kerana ia boleh dijadikan panduan oleh sesebuah organisasi untuk melantik orang yang benar-benar layak memegang sesuatu jawatan.

Gagasan pemikiran Sheikh Ḥussein al-Kāshifi dapat dilihat terlaksana di dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Perbincangan tentang ciri-ciri dan sifat-sifat pemerintah lebih tertumpu kepada raja-raja Melaka sahaja. Pengarang Sejarah Melayu, *The Suma Oriental*, Hikayat Hang Tuah dan ramai lagi sarjana ada menjelaskan perkara ini secara sepantas lalu sahaja tanpa membahaskannya secara khusus. Ia digambarkan dalam bentuk penceritaan yang agak simbolik dan tidak teratur. Begitu juga ciri-ciri dan sifat-sifat golongan pembesar. Terdapat cerita-cerita seperti kebijaksanaan Bendahara Tun Perak, kegagahan dan kesetiaan Laksamana Hang Tuah, kealiman Tun Muhammad⁵⁵ dan sebagainya. Ia semestinya memerlukan pengamatan yang mendalam dan teliti menghuraikan perkara ini.

Kesamaran tentang ciri-ciri dan sifat-sifat Penghulu, Bendahari, Temenggung, Seri Bija Diraja dan pembesar-pembesar lain kelihatan lebih ketara lagi kerana kurangnya fokus perbahasan dan sumber rujukan yang membincangkannya. Walaupun ciri, sifat dan syarat golongan pembesar tidak dipersembahkan kepada kita secara tersusun, tetapi realiti bagi sesebuah

⁵⁵ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 102-103. Al-Mawardi (pada pandangan penulis) mengatakan golongan ini sebagai merinyu cukai dan pemungut zakat. Lihat al-Mawardi, op. cit., hal. 33-34.

organisasi pemerintahan semestinya raja akan mengambil individu-individu yang mempunyai ciri, sifat serta syarat yang baik untuk dijadikan pembesar kerana mereka yang akan membayangkan ciri, sifat dan kedudukan sebenar seseorang raja.

Perkara penting yang harus diberi perhatian ialah pengaruh ciri, sifat dan syarat pemerintah seperti yang dinukilkan di dalam manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* mempunyai pengaruh dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka. Oleh kerana Melaka pada masa itu adalah sebuah kerajaan yang berdasarkan sistem pemerintahan Islam maka sudah tentu ciri, sifat dan syarat juga didasari oleh nilai-nilai murni seperti yang digariskan oleh ulama Islam yang ada di Melaka.

4.7. BIDANG TUGAS DAN BIDANG KUASA PEMERINTAH

Manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* tidak memberikan penerangan secara nyata tentang bidang kuasa golongan pemerintah. Tetapi ia ada menyebut sikap raja semasa menjatuhkan sesuatu hukuman. Ini menunjukkan bahawa raja mempunyai kuasa untuk mengadili sesuatu kesalahan. Namun, penulis menganggap bahawa bidang kuasa raja meliputi keseluruhan struktur pemerintahan sama ada di dalam bidang sosial, politik, ekonomi, perundangan dan sebagainya.

⁵⁶ Syafie Abu Bakar, "Melaka Sebagai Lambang Keagungan Bangsa Melayu" dalam *Sejarah di Selat Selaka*, Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Persatuan Sejarah Malaysia (cawangan Melaka), 1997, hal. 20.

Menurut al-Mawardi, terdapat sepuluh (10) tugas yang perlu dilaksanakan oleh ketua negara (raja). Pertama, memelihara *al-Dīn* (Islam). Kedua, melaksanakan hukum diantara dua pihak yang berbalah. Ketiga, melindungi kehormatan kaum wanita. Keempat, melaksanakan hukum hudud. Kelima, mengukuhkan sempadan pertahanan negara. Keenam, berjihad menentang musuh Islam. Ketujuh, memungut harta rampasan dan cukai seperti yang telah ditetapkan oleh syarak. Kelapan, menyelaras peruntukan negara mengikut keperluan. Kesembilan, melantik orang yang beramanah menguruskan hal kewangan dan kesepuluh, mengawasi utusan dan persekitaran bagi melindungi rakyat daripada kezaliman.⁵⁷

Bagi golongan pembesar, manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* menggambarkan bidang kuasa menteri itu sebagai mengawal selia perbendaharaan negara serta merancang strategi untuk meningkatkan taraf ekonomi di samping menjadi penasihat kepada raja dalam sesuatu perkara.⁵⁸ Bidang kuasa panglima pula ialah mengurus hal ehwal ketenteraan, menyiasat hal-hal dalaman serta luaran negara, merancang strategi untuk menumpaskan pihak musuh dan membantu golongan lemah daripada penindasan dan kezaliman.⁵⁹ Hulubalang pula berkuasa untuk menghapuskan penjahat, menjaga keamanan, menjadi benteng pertahanan negara serta menunaikan setiap arahan daripada raja.⁶⁰

⁵⁷ Al-Mawardi, op. cit., hal. 23-24.

⁵⁸ Al-Kāshīfī, op. cit., hal. 20-21. Lihat Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 123-128.

⁵⁹ Al-Kāshīfī, Ibid., hal. 76-83. Al-Mawardi menamakannya sebagai Amir Urusan Jihad. Lihat al-Mawardi, op. cit., hal. 56.

Sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka pula memperlihatkan secara praktikal bidang tugas dan bidang kuasa pemerintah. Ia nampak lebih sistematik dari segi susun atur sejajar dengan kuasa dan tugas yang dipikul oleh mereka. Kekemasan ini telah mencerminkan kematangan serta kebijaksanaan para pentadbirnya mengurus negara. Sebagaimana kebiasaannya, raja atau sultan Melaka adalah merupakan penguasa ke atas segala perkara yang melibatkan rakyat dan para pembesar.⁶¹ Manakala Bendahara pula mengambil tugas sebagai wakil semasa ketiadaan raja di samping menjadi penasihat raja, ketua pentadbir, hakim, dan juga ketua angkatan tentera. Penghulu Bendahari pula berkuasa ke atas khazanah negara, dan juga atur cara majlis di istana. Selain itu, beliau juga mengetuai keseluruhan Syahbandar, mengawal selia golongan hamba raja serta mempunyai pangkat di dalam ketenteraan.⁶²

Temenggung pula berkuasa sepenuhnya untuk menghakimi sesuatu kes di samping menggubal peraturan-peraturan tertentu untuk menjaga keamanan negeri. Laksamana pula berkuasa sepenuhnya di laut. Bertugas mengawal perairan Melaka dari musuh serta kapal-kapal yang berlabuh di pelabuhan Melaka dari serangan lanun dan perompak. Manakala Syahbandar pula berkuasa untuk memungut cukai yang dikenakan ke atas barang dagangan di pelabuhan dan memeriksa kapal-kapal yang singgah di pelabuhan. Selain itu,

⁶⁰ Al-Kāshīfī, *Ibid.*, hal. 25.

⁶¹ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 151. Lihat juga Rahim Syam dan Norhale, op. cit., hal. 100-101. Lihat juga Mohd Yusuf Ibrahim, op. cit., hal. 11-12.

⁶² Ismail Ambia, op. cit., hal. 2-3.

mereka juga berkuasa untuk mengadili sesuatu kes yang melibatkan hal ehwal pedagang.⁶³

Peranan nakhoda muncul setelah pelabuhan Melaka membangun sebagai sebuah pelabuhan *entreport*. Mereka bertugas untuk melancarkan urusan keluar masuk kapal di pelabuhan. Selain itu, kadi dan fakih bertugas untuk menyebar dan mengajar agama Islam sama ada kepada raja mahu pun rakyat jelata.⁶⁴ Sesungguhnya, penyelarasan bidang kuasa dan dan bidang tugas yang sistematik telah melicinkan jentera pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Golongan pembesar akan berasa lebih mudah untuk menjalankan kuasa serta tugas yang berada di bawah kawalan mereka sahaja. Di samping itu, penyelarasan bidang tugas dan bidang kuasa juga akan mengurangkan pertindihan tugas di antara para pegawai kerajaan yang mentadbir.

Keterangan di atas menunjukkan kepada kita bahawa teori yang digambarkan oleh Sheikh Ḥussīn al-Kāshīfī mengenai bidang kuasa dan bidang tugas pemerintah telah mempengaruhi sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka. Namun, jika ditinjau realiti yang berlaku di dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka, ia telah menunjukkan kepada kita bahawa bidang tugas dan bidang kuasa pemerintah Kerajaan Melayu Melaka kelihatan lebih ideal dan tersusun rapi bersesuaian dengan taraf Kesultanan Melayu Melaka yang pada ketika itu sebagai sebuah empayar.

⁶³Ibid., hal. 3. Lihat juga Rahim Syam dan Norhale, op. cit., hal. 103.

4.8. SYARAT KELAYAKAN PEMBESAR

Sheikh Ḥussein al-Kāshifi telah menggariskan dua syarat khusus bagi seseorang individu untuk melayakkan diri mereka dilantik menjadi pembesar negara. Syarat pertama ialah orang yang menguasai serta mendalami ilmu-ilmu agama⁶⁵ dan keduanya ialah orang yang baik serta mulia keturunannya.⁶⁶ Jika diteliti kedua-dua syarat tersebut, kita akan dapati bahawa ia merupakan satu tuntutan kepada orang-orang yang ingin menjadi pembesar kerana pengetahuan yang luas di dalam ilmu keagamaan itu akan menjadi pedoman bagi mereka menguruskan negara dengan baik dan lebih beramanah. Manakala keturunan yang baik dan mulia itu adalah sebagai satu aset penting untuk mendapat penghormatan sama ada daripada raja, pembesar lain mahu pun rakyat jelata.

Di dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka pula terdapat juga penekanan terhadap syarat kelayakan untuk menjadi pembesar. Di

⁶⁴ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 180-181.

⁶⁵ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 14. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 59 dan 71. Lihat juga Ibn Khaldūn, op. cit., hal. 203.

⁶⁶ Al-Kāshifi, *Ibid.*, hal. 14. Al-Mawardi menggariskan enam (6) syarat yang perlu ada pada pembesar (wazir) iaitu;

1. Keadilan yang memenuhi syarat.
2. Berilmu yang membolehkan mereka berijtihad.
3. Sempurna pancaindera.
4. Tidak cacat anggota yang boleh menghalang pergerakan.
5. Mempunyai idea yang bernes untuk membangunkan masyarakat.
6. Berani serta mempunyai kekuatan yang boleh melindungi negara serta berjihad menentang musuh.

al-Mawardi tidak mensyaratkan berketurunan mulia pada syarat kelayakan sebagai pembesar (wazir). Lihat al-Mawardi, op. cit., hal. 35. Sementara Ibn Khaldūn meletakkan berketurunan Quraisy (keturunan mulia) sebagai salah satu daripada syarat-syarat imamah tetapi tidak pula meletakkan sebagai satu syarat yang perlu pada pembesar. Lihat juga Ibn Khaldūn, op. cit., hal. 203.

antaranya ialah bijaksana serta berpengalaman⁶⁷ dalam pentadbiran seperti Tun Perak yang pernah menjadi penghulu di Kelang,⁶⁸ mempunyai pertalian saudara seperti Raja Rekan yang merupakan bapa saudara kepada Sultan Abu Shahid kerana bonda Sultan Abu Shahid adalah sepupu kepada Raja Rekan,⁶⁹ gagah perkasa dan setia seperti Laksamana Hang Tuah⁷⁰ dan sebagainya. Kriteria-kriteria tersebut merupakan satu aset yang amat penting bagi menarik perhatian raja atau sultan untuk melantik mereka mengurus jentera pentadbiran. Selain itu, ia juga akan mencerminkan kewibawaan golongan pembesar untuk mencorakkan hala tuju sistem pentadbiran negeri tersebut.

4.9. KONSEP PENDIDIKAN

Di antara perkara yang telah diberi penekanan oleh Sheikh Hussin al-Kashifi ialah bidang pendidikan. Fokus utamanya ialah pendidikan terhadap anak-anak raja. Penekanan kepentingan pendidikan bagi setiap anak raja itu bermula sejak dari zaman kanak-kanak sehingga dia dewasa dan bersedia untuk memegang kuasa pemerintahan.⁷¹ Penekanan ditumpukan terhadap kaedah atau disiplin pendidikan khusus yang perlu diterapkan kepada anak raja yang bakal mewarisi takhta kerajaan. Ia bertujuan agar pemerintahannya nanti akan menjadi model terbaik daripada pemerintah yang sebelumnya.

⁶⁷ Al-Mawardi meletakkan syarat berpengalaman adalah perlu apabila seseorang pembesar diminta mengeluarkan pendapat bagi sesuatu kes. Lihat Al-Mawardi, op. cit., hal. 43.

⁶⁸ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 87-92.

⁶⁹ Ibid., hal. 84.

⁷⁰ Ibid., hal. 118-119. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 124-125.

Kitab *Taj al-Salatin* pula menggaris lima (5) hak yang harus ditunaikan oleh ibubapa di dalam mengasuh anak-anak mereka. Pertama, mengazan serta mengiqamatkan anak-anak itu apabila mereka telah dilahirkan ke dunia. Kedua, mencukur rambut serta mengadakan kenduri doa selamat ketika bayi itu berusia tujuh hari. Ketiga, mengkhatarkan anak-anak serta mengajar mereka tentang adab dan kesopanan hidup tatkala usia anak-anak mencapai enam tahun. Keempat, mengajar tatacara sembahyang dan mula memisahkan mereka dari tempat tidur kedua ibubapa semasa anak-anak berusia tujuh tahun. Kelima, menyuruh anak-anak menunaikan sembahyang. Jika mereka ingkar, ibubapa harus menghukum mereka. Keenam, mengahwinkan anak-anak apabila usia mereka mencecah tujuh belas tahun.⁷²

Jika kita menganalisis sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, ternyata bahawa raja atau sultan serta para pembesarnya juga amat menitikberatkan persoalan pendidikan. Apabila Islam mula diterima oleh masyarakat Melaka, konsep pembelajaran mula dilaksanakan bermula dengan penerapan ilmu-ilmu fardu 'ain sehingga lalah kepada ilmu-ilmu fardu kifayah. Pemerintah telah menjadikan institusi surau, balai, langgar dan masjid sebagai tempat untuk menyampaikan dan mendapatkan ilmu pengetahuan. Puncak kepada institusi pendidikan ialah istana. Di samping itu, terdapat juga guru-guru seperti Maulana Yusuf, Maulana Abu Bakar, Kadi Munawar, Maulana Yusof dan ramai lagi telah memainkan peranan sebagai tenaga pengajar di institusi tersebut.

⁷¹ Al-Kashifi, op. cit., hal. 18-20.

⁷² Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 146-147.

Golongan ulama ini dikatakan alim di dalam ilmu teosofi, tasawuf, nahu, saraf, fekah⁷³ dan sebagainya.

Sistem pendidikan di Melaka telah mengundang penglibatan masyarakat di pelbagai peringkat. Ia bermula dari masyarakat bawah (rakyat jelata) kepada sultan yang memerintah.⁷⁴ Walau bagaimanapun pensejarahan Melaka banyak menggambarkan perjalanan institusi pendidikan hanya dipelopori oleh golongan pertengahan dan golongan atasan sahaja. Contohnya; Sultan Mahmud (1488M-1511M) pernah menghantar anak baginda Raja Ahmad (1511M-1516/28M) belajar dengan Maulana Sadar Jahan,⁷⁵ Kadi Yusuf belajar dengan Maulana Abu Bakar,⁷⁶ Sultan Mansur Shah telah berguru dengan Maulana Yusof⁷⁷ dan sebagainya. Hasil daripada perhatian yang serius pihak pemerintah Melaka terhadap kegiatan keilmuan, Melaka telah dapat melahirkan ramai ilmuan seperti Tun Bija Wangsa, Tun Isap Misai, Tun Muhammad dan Kadi Munawar. Kegiatan keilmuan di Melaka dapat berkembang dengan pesat kerana ia dikatakan mempunyai hubungan secara langsung dengan Mekah dan juga Pasai.⁷⁸

⁷³ Shafie Abu Bakar, op. cit., hal. 19.

⁷⁴ Raffles (ed.), op. cit., hal. 185. Lihat juga Shafie Abu Bakar, op. cit., hal. 20.

⁷⁵ Ibid., hal. 248.

⁷⁶ Shellabear (ed.), op. cit., hal. 115.

⁷⁷ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 157.

⁷⁸ Syafie Abu bakar, op. cit., hal. 20.

Selain daripada kegiatan belajar dan mengajar, institusi pendidikan pada zaman kesultanan juga telah berusaha untuk melakukan kerja-kerja penterjemahan kitab-kitab agama. Teks terjemahan yang terkenal seperti yang diceritakan oleh buku Sejarah Melayu ialah kitab *al-Dur al-Manzūm* karangan Maulana Abu Ishak. Ia dibawa dari Mekah oleh Maulana Abu Bakar (murid Maulana Abu Ishak) untuk diajarkan kepada penduduk Melaka.⁷⁹ Sejarah Melayu juga ada menyebut tentang kitab *Ma'lumat*,⁸⁰ tetapi tidak pula menceritakan kedudukan bahasa dan isi kandungannya. Walaupun begitu, penulis sependedapat dengan Syafie Abu Bakar yang mengatakan, kitab *Ma'lumat* adalah susulan terjemahan kejayaan proses menterjemah kitab *al-Dur al-Manzūm*.⁸¹

Hasil dari perkembangan proses pendidikan Islam juga telah memperkenalkan tradisi penulisan Jawi kepada masyarakat Melaka sehingga ke hari ini. Seterusnya ia juga telah melahirkan banyak karya-karya yang dikarang oleh cendekiawan Melayu seperti Tun Isap Misai yang mengarang kitab Anak Panah Sedasa,⁸² Hukum Kanun Melaka, Sejarah Melayu karangan Tun Sri Lanang, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Hanafiyah dan sebagainya.⁸³

⁷⁹ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 156-157.

⁸⁰ Ibid., hal. 201-202. Sultan Mahmud Shah telah mempelajari isi kandungan kitab *Ma'lumat* daripada Maulana Yusof.

⁸¹ Syafie Abu Bakar, op. cit., hal. 21.

⁸² Shellabear, W.G. (ed.), op. cit., hal. 151.

⁸³ Syafie Abu Bakar, op. cit., hal. 22.

Akhirnya, penulis dapat menyimpulkan bahawa konsep pendidikan yang diutarakan oleh manuskrip *Nasihat al-Muluk* mempunyai pengaruh dan telah dilaksanakan di dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka. Namun, pada pandangan penulis sistem pendidikan yang diamalkan oleh Kerajaan Melayu Melaka adalah lebih menyeluruh terhadap masyarakat Melaka dan ia mencakupi kepelbagaiannya disiplin ilmu. Institusi pendidikan di Melaka juga telah berjaya menghasilkan cerdik pandai yang boleh memberi input yang baik kepada pembangunan negeri Melaka. Seterusnya perjalanan program-program pendidikan di Melaka pada zaman kesultanan juga telah memastabat penggunaan tulisan Jawi seperti yang dapat kita lihat hingga ke hari ini.

4.10. SISTEM PERUNDANGAN

Manuskrip *Nasihat al-Muluk* tidak membincangkan hal yang berkaitan dengan sistem perundangan secara meluas. Cuma disentuh sedikit sahaja tentang kuasa raja untuk menjatuhkan hukuman khususnya hukuman bunuh.⁸⁴ Ini sudah tentu menyukarkan penulis mengetahui perjalanan pelaksanaan sistem perundangan mengikut persepsi manuskrip *Nasihat al-Muluk*. Ia juga menyukarkan penulis mengesan tarikh penggubalan, golongan yang menggubal dan juga golongan yang melaksanakan undang-undang tersebut ke atas pesalah. Walau bagaimanapun, ingin penulis tegaskan bahawa keterangan di atas telah menunjukkan wujudnya idea dan pemikiran Sheikh Hussin al-Kashifi tentang persoalan-persoalan yang berkaitan dengan sistem perundangan.

Ajaran Islam amat mementingkan sistem perundangan kerana ia adalah merupakan saluran untuk membela golongan lemah dari unsur-unsur kekejaman dan penganiayaan. Mustafa Hj Daud yang menganalisis pandangan al-Mādūdī telah menyebut, sistem perundangan merupakan badan kehakiman yang perlu bebas daripada pengaruh badan eksekutif (pemerintahan dan pentadbiran).⁸⁵ Menurut Muhammad S. el-Ewa, pula sistem perundangan Islam mestilah memberikan hak kebebasan kepada manusia menyalurkan kebenaran serta berusaha untuk mencegah kemungkarannya dari berlaku di dalam kehidupan ummah.⁸⁶

Jika dianalisis sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka, kita akan mendapati sistem perundangannya adalah berteraskan sistem perundangan Islam. Pelaksanaannya jelas terbukti dengan wujudnya sebuah sistem perundangan Melaka yang tersendiri dan ia disebutkan sebagai Hukum Kanun Melaka⁸⁷ dan Undang-Undang Laut Melaka. Sistem perundangan ini dikatakan bermula sejak zaman Sultan Muhammad Shah lagi dan ia terus menjadi tradisi sehingga Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511M. Ia telah dijadikan sampel perundangan oleh kebanyakan negeri-negeri di Tanah Melayu

⁸⁴ Al-Kāshīfī, op. cit., hal. 31 dan 59.

⁸⁵ Mustafa Hj Daud, **Pemikiran Politik dan Ekonomi al-Mādūdī**, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal. 41.

⁸⁶ Muhammed S. el-Ewa, **Sistem Politik Negara Islam**, terj. Anwer Beg, Kuala Lumpur; Dewan bahasa dan Pustaka, 1991, hal. 118-120.

⁸⁷ Keterangan mengenai Hukum Kanun Melaka (Undang-Undang Melaka) telah dibuat transliterasi teks oleh Liaw Yock Fang.

sesudah itu walaupun dengan beberapa perubahan mengikut kesesuaian tempat dan pemerintah.⁸⁸ Menurut Dr. Abdullah Ishak,⁸⁹

“...Undang-Undang Melaka telah disusun lengkap oleh Sidi Ahmad dan telah dijadikan undang-undang pemerintahan Melaka. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Undang-Undang Negeri (Hukum Kanun Melaka atau Undang-Undang Melaka) yang mengandungi undang-undang jenayah, muamalat, keluarga, keterangan dan acara, syarat-syarat menjadi raja serta tanggungjawab mereka dan pembesar-pembesar negeri terhadap pemerintahan. Kedua ialah Undang-Undang Laut Melaka mengandungi perkara-perkara yang berhubung dengan peraturan pelayaran dan pembiagaan, kesalahan jenayah perdagangan serta bidang kuasa nakhoda (captain) kapal juga lain-lain yang bersangkutan dengannya...”

Walaupun terdapat pandangan yang mengatakan sistem perundangan yang diamalkan oleh pemerintah Kesultanan Melayu Melaka telah bercampur aduk dengan Undang-Undang Hindu dan adat yang dicerna serta disesuaikan dengan hukum-hukum Islam⁹⁰ dalam bidang muamalah, ibadah, jenayah dan juga kekeluargaan namun ia masih boleh ditolak kerana tidak mengemukakan alasan yang konkrit.⁹¹ Dr. Abdullah Ishak yang menganalisis beberapa pendapat sarjana Barat telah menegaskan bahawa Undang-Undang Melaka pada dasarnya berasaskan sistem perundangan Islam di samping berpegang kepada hukum akal dan adat istiadat.⁹²

⁸⁸ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 217-219.

⁸⁹ Abdullah Ishak (Dr.), op. cit., hal. 147.

⁹⁰ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 220. Lihat juga Syed Muhammad Naquib al-Attas, **Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu**, Kuala Lumpur, 1972, hal. 12-18.

⁹¹ Abdullah Ishak (Dr.), op. cit., hal. 148.

⁹² Ibid, hal. 148.

Walaupun manuskrip *Nasihat al-Muluk* hanya menyentuh sedikit sahaja tentang persoalan perundangan, penulis berpandangan bahawa cetusan idea dan pemikiran Sheikh Hussin al-Kashifi adalah bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Oleh itu, penulis juga tidak merasa ragu untuk mengatakan idea beliau terhadap sistem perundangan juga adalah berasaskan nilai-nilai ajaran Islam dan keadaan yang sama juga telah wujud dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka. Tujuan penulis menggambarkan perkara di atas adalah untuk memperlihatkan persamaan dan pengaruh secara tidak langsung manuskrip *Nasihat al-Muluk* dalam sistem perundangan Melaka. Alasannya ialah, kedua-dua idea dan praktikal tersebut telah menjadikan Islam sebagai teras kepada sistem perundangannya. Walau bagaimanapun, sistem perundangan Kesultanan Melayu Melaka nampak lebih praktikal dan sempurna kerana ia telah diperjelaskan secara panjang lebar oleh pengkaji-pengkaji sejarah Melaka.

4.11. PENUTUP

Secara dasarnya, analisis perbandingan yang dilakukan oleh penulis telah menunjukkan wujudnya persamaan dan pengaruh manuskrip *Nasihat al-Muluk* di dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka. Kenyataan-kenyataan yang dikemukakan oleh Sheikh Hussin al-Kashifi nampak relevan dan sesuai dengan pengamalan di dalam Kerajaan Melayu Melaka khususnya terhadap sistem pentadbiran berkerajaan. Persamaan pengaruh juga boleh kita lihat pada dasar pendidikan yang telah diutarakan. Tetapi sistem pendidikan kerajaan Melayu Melaka nampak lebih ideal dan sempurna kerana pelaksanaannya telah dilakukan secara menyeluruh dan bersistematik.

Walau bagaimanapun, terdapat juga sedikit perbezaan di antara keduadua sampel kajian penulis. Ia melibatkan struktur pemerintahan yang tidak tersusun, kekurangan sifat serta syarat pemimpin, tanggungjawab dan peranan yang berbeza, bidang kuasa yang tidak sama dan sebagainya. Penulis mengkategorikan perbezaan kecil ini sebagai masalah-masalah teknikal yang sentiasa berubah-ubah mengikut masa, keadaan dan juga persekitaran. Ia boleh ditambah ataupun dikurangkan mengikut kesesuaian, peranan dan juga status pemerintahan selagi tidak melanggar hukum dan batasan syarak.

Sebagai kesimpulan, sekali lagi ingin penulis tegaskan bahawa keduadua idea dan sistem di atas mempunyai hubungkait serta pertalian pengaruh yang erat dari sudut konsep dan dasar yang diamalkan. Segala elemen kontra wujud disebabkan oleh budaya, tempat, masa dan juga periode pemerintahan yang berbeza. Kesemuanya bersifat sementara dan akan mengalami perubahan mengikut kehendak dan kemahuan pemerintah. Asas penting yang perlu ditekankan ialah terdapat bukti yang menunjukkan idea dan sistem yang dilaksanakan itu telah bernaung di bawah satu dasar dan pengaruh ajaran agama Islam.